

11/02/1998

Yen jadi alternatif (HL)

Faizal Fadzil in Tokyo

TOKYO, Selasa - Jepun hari ini bersetuju membenarkan penggunaan mata wang yen bagi menyelesaikan urusan perdagangan di kalangan bank negara itu, Singapura dan Malaysia.

Persetujuan itu dicapai selepas beberapa pertemuan antara Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan pegawai kanan Jepun diketuai Menteri Kewangannya, Hikaru Matsunaga, sejak semalam.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, perkembangan terbaru itu akan meluaskan lagi kemungkinan Malaysia dan negara Asean menggunakan mata wang yen dalam urusan perdagangan mereka.

Menurutnya, usul Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Asean menggunakan mata wang tempatan bagi urusan perdagangan mereka agak jelas.

"Yen adalah mata wang penting dunia kerana kedudukan dan kekuatan ekonomi Jepun. Jadi, selain dolar Amerika yang masih diguna pakai sebagai mata wang utama, sekurang-kurangnya ia memberi ruang supaya mata wang yen lebih berkembang dengan langkah Jepun mengambil daya usaha memastikan penyelesaian bank tempatan bagi urusan perdagangan dalam yen akan diterima pakai.

"Kementerian Kewangan Jepun memberi pengakuan untuk menyegerakan urusan ini. Langkah susulan ialah mengkaji kemungkinan memperluaskan lagi penggunaan yen," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Persetujuan itu bermakna usaha Asean pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Kuala Lumpur pada 14-16 Disember lalu untuk menggunakan mata wang antarabangsa alternatif selain dolar Amerika, dalam urusan perdagangan mereka bagi menangani masalah penurunan nilai mata wang serantau, mula membuahkan hasil.

Anwar yang dalam rangka lawatan kerja empat hari ke sini sejak Ahad lalu menganggap kejayaan meraih sokongan Jepun terhadap kerjasama akrab di antara Malaysia dan Singapura dalam menangani masalah ekonomi kedua-dua negara dan serantau, amat penting.

"Jepun buat kali pertama memberi maklum balas yang positif dan akan mengambil tindakan susulan. Dengan ini, saya kira pasaran, keyakinan dan kedudukan mata wang akan lebih terjamin pada masa akan datang," katanya.

Beliau juga gembira kerana usul Malaysia supaya Jepun mempamerkan minat dan kesungguhan lebih positif untuk bersama mengembangkan ekonomi serantau, mendapat sambutan memuaskan.

Kesannya, Jepun bersetuju menghantar pasukan khas ke rantau Asia Tenggara khususnya Indonesia bagi membincangkan beberapa langkah dan bantuan tambahan jika perlu, bagi memperbaiki keadaan ekonomi.

Menurutnya, Setiausaha Agung Parti Liberal Demokratik (LDP) Jepun, Koichi Kato, bersetuju untuk menghantar pasukan petugas kanan negara itu termasuk Naib Menteri Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa Kementerian Kewangan, Eisuke Sakakibara dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, untuk berunding dengan beberapa negara Asia Tenggara dan berkunjung ke rantau itu, awal bulan depan.

"Saya anggap pertemuan dengan menteri dan pegawai Kementerian Kewangan Jepun berhasil kerana kita datang untuk mendapatkan komitmen yang jelas daripada mereka mengenai beberapa perubahan dalam negara supaya merangsang pertumbuhan ekonomi Jepun yang agak malap, sekali gus membuka pasaran Jepun untuk memungkinkan eksport dari rantau Asean," katanya.

Selama ini, Jepun memberi dalih keadaan ekonominya lembap dan institusi kewangan yang lemah menyebabkan reformasi sukar dilaksanakan.

Bagaimanapun, Anwar gembira kerana mendapat maklumat terperinci mengenai beberapa langkah Jepun untuk merangsang pertumbuhan ekonominya dan sekaligus meningkatkan pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara.

(END)